

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ARAU]

SOALAN

DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ARAU] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan adakah pihak Kementerian akan mengkaji semula Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan memberikan peruntukan kuasa secara bersama kepada persekutuan dan negeri bagi mengatasi masalah pencemaran alam sekitar dan pencerobohan hutan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang sedang dalam proses pindaan lebih memberi tumpuan kepada pengukuhan penguatkuasaan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), di mana pindaan yang akan dilakukan adalah komponen hukuman dan penalti yang lebih tinggi daripada nilai sedia ada. Selain daripada itu, nilai kompaun bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini juga akan ditingkatkan.

Berdasarkan Seksyen 49, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974, terdapat peruntukan bagi membolehkan Ketua Pengarah Alam Sekitar mewakilkan kuasa melalui perintah bagi tujuan siasatan penguatkuasaan kesalahan yang dilakukan di bawah AKAS 1974. Perwakilan kuasa ini boleh diberikan kepada Jabatan Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan, Perbadanan termasuklah Jabatan dan agensi di bawah Kerajaan Negeri.

Sekian. Terima kasih.